

SOALAN-SOALAN LAZIM KEMPEN *PRIME ENHANCED*

Soalan Lazim Umum	
S1: Apakah itu Akaun Simpanan Prime dan Akaun Prime (“Prime CASA”), dan apakah yang ditawarkan dalam Kempen Prime Enhanced?	J1: Kempen <i>Prime Enhanced</i> menawarkan kadar faedah bonus sebagai tambahan kepada kadar papan sedia ada bagi Akaun Layak apabila melaksanakan Transaksi Layak seperti yang ditetapkan dalam kriteria kempen. Akaun Layak ialah Akaun Prime dan Akaun Simpanan Prime (“Prime CASA”). Sila rujuk kepada mekanik kempen dalam Terma & Syarat kempen untuk mendapatkan maklumat lanjut .
S2: Bagaimanakah faedah dikira?	J2: Pengiraan kadar faedah adalah seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> Faedah asas untuk Prime CASA: Faedah ini dikira secara harian berdasarkan baki akhir setiap hari akaun anda dan anda akan menerima pada hujung bulan. Anda boleh merujuk laman sesawang Akaun Simpanan Prime di sini dan Akaun Prime di sini untuk mengetahui kadar faedah asas yang terkini. Faedah Bonus untuk Prime CASA: Faedah ini dikira berdasarkan baki minimum RM10,000.00 sehingga RM50,000.00 dari jumlah baki purata bulanan (MAB) akaun anda semasa tempoh kempen.
S3: Apakah kadar faedah efektif kempen ini?	J3: Kadar faedah efektif kempen ini adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 4.0% p.a. untuk Akaun Simpanan Prime bagi baki RM50,000 pertama dengan andaian bahawa pelanggan yang layak memenuhi semua kriteria faedah bonus iaitu Bonus Deposit, Bonus Kad Kredit & Bonus Kekayaan iaitu jumlah Kadar Asas Efektif (0.20% p.a.) + Bonus Deposit (2.30% p.a.) + Bonus Kad Kredit (0.50% p.a.) + Bonus Kekayaan (1.00% p.a.). 3.98% p.a. untuk Akaun Prime bagi baki RM50,000 pertama dengan andaian bahawa pelanggan yang layak memenuhi semua kriteria faedah bonus iaitu Bonus Deposit, Bonus Kad Kredit & Bonus Kekayaan iaitu jumlah Kadar Asas Efektif (0.18% p.a.) + Bonus Deposit (2.30 % p.a.) + Bonus Kad Kredit (0.50% p.a.) + Bonus Kekayaan (1.00% p.a.).
S4: Bagaimana cara untuk saya mengetahui bayaran faedah telah dikreditkan ke dalam Prime CASA saya?	J4: Ia akan dipaparkan di dalam sejarah transaksi pada penyata bulanan, CIMB Clicks/CIMB OCTO App anda.
S5: Bagaimana jika saya ada lebih dari 1 Prime CASA?	J5: 22. Faedah Bonus akan dibayar mengikuti keutamaan dibawah: <ol style="list-style-type: none"> Akaun Simpanan Prime akan diberi keutamaan berbanding Akaun Prime.

	<p>b) Akaun Layak dengan tarikh pembukaan akaun paling awal akan diberi keutamaan.</p>						
S6: Bolehkah saya membuka akaun bersama untuk Prime CASA?	<p>J6: Ya, anda dibenarkan untuk membuka akaun bersama untuk Prime CASA. Tetapi, faedah bonus hanya akan dibayar sekiranya pemegang akaun utama yang melaksanakan transaksi perbankan layak adalah pemegang akaun utama bagi Prime CASA tersebut.</p> <p>Ilustrasi</p> <p>Pelanggan A dan Pelanggan B ialah pemegang bersama Prime SA dengan Pelanggan A menjadi pemegang Utama.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Senario</th><th>Kelayakan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelanggan A menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit</td><td>Faedah bonus dibayar</td></tr> <tr> <td>Pelanggan B menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit</td><td>Faedah bonus tidak dibayar</td></tr> </tbody> </table>	Senario	Kelayakan	Pelanggan A menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit	Faedah bonus dibayar	Pelanggan B menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit	Faedah bonus tidak dibayar
Senario	Kelayakan						
Pelanggan A menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit	Faedah bonus dibayar						
Pelanggan B menggunakan kad kredit CIMB untuk melakukan transaksi runcit	Faedah bonus tidak dibayar						
S7: Adakah saya akan menjadi ahli Prime setelah saya membuka Prime CASA Apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak memenuhi jumlah minimum Aset Dibawah Pengurusan RM50,000.00 dengan CIMB?	<p>J7: Pelanggan yang membuka Prime CASA semasa Tempoh Kempen akan layak menjadi ahli CIMB Prime Solutions tanpa memenuhi syarat ‘Baki Minimum’ Aset Dibawah Pengurusan. Walau bagaimanapun, Bank boleh memutuskan dari semasa ke semasa untuk mengubah syarat ‘Baki Minimum’ Aset Dibawah Pengurusan oleh Pelanggan. Kegagalan untuk mengekalkan syarat ‘Baki Minimum’ boleh mengakibatkan penamatian atau pengantungan perkhidmatan dan keistimewaan di bawah ahli Prime Solutions. Untuk Terma dan Syarat penuh Prime Solutions, sila klik di sini.</p> <p>Aset Dibawah Pengurusan merujuk kepada mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau dilaburkan dalam apa-apa produk pelaburan [tidak termasuk Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)] Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama.</p>						
S8: Bolehkah saya menukar Akaun Prime saya kepada Akaun Simpanan Prime?	<p>S8: Tidak. Penukaran jenis akaun tidak tersedia kerana Akaun Simpanan Prime dan Akaun Prime adalah produk yang berbeza. Anda perlu membuka Akaun Simpanan Prime secara berasingan.</p>						
S9: Siapa yang harus saya hubungi jika saya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Prime CASA?	<p>J9: Anda boleh pergi ke mana-mana cawangan CIMB terdekat atau hubungi Pusat Perhubungan Pengguna CIMB kami di +603 6204 7788 untuk sebarang pertanyaan berkaitan Prime.</p>						

Soalan Lazim Faedah Bonus															
S10: Apakah transaksi perbankan layak yang saya perlu lakukan untuk mendapatkan kadar faedah bonus?	J10:	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Faedah Bonus</th><th>Transaksi Layak</th><th>% Faedah Bonus</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bonus Deposit</td><td> <p>a) Mendepositkan Dana Baharu terkumpul minimum sebanyak:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. RM3,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan CIMB@Work. II. RM5,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan yang tiada CIMB@Work. </td><td>2.30% setahun</td></tr> <tr> <td>Bonus Kekayaan</td><td> <p>a) Pembelian/penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak terkumpul yang berjumlah Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC) RM3,600.00 dan ke atas dengan tarikh pengeluaran polisi/kontrak/sijil pada bulan kalendar yang sama.</p> </td><td>1.00% setahun selama 6 bulan</td></tr> <tr> <td>Bonus Kad Kredit</td><td> <p>a) Melaksanakan Transaksi Runcit Layak terkumpul minimum sebanyak RM1,000.00 yang dibelanjakan dengan menggunakan Kad Kredit/-i CIMB dalam tempoh satu bulan semasa sesuatu bulan kempen tertentu.</p> </td><td>0.50% setahun</td></tr> </tbody> </table>		Kategori Faedah Bonus	Transaksi Layak	% Faedah Bonus	Bonus Deposit	<p>a) Mendepositkan Dana Baharu terkumpul minimum sebanyak:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. RM3,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan CIMB@Work. II. RM5,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan yang tiada CIMB@Work. 	2.30% setahun	Bonus Kekayaan	<p>a) Pembelian/penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak terkumpul yang berjumlah Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC) RM3,600.00 dan ke atas dengan tarikh pengeluaran polisi/kontrak/sijil pada bulan kalendar yang sama.</p>	1.00% setahun selama 6 bulan	Bonus Kad Kredit	<p>a) Melaksanakan Transaksi Runcit Layak terkumpul minimum sebanyak RM1,000.00 yang dibelanjakan dengan menggunakan Kad Kredit/-i CIMB dalam tempoh satu bulan semasa sesuatu bulan kempen tertentu.</p>	0.50% setahun
Kategori Faedah Bonus	Transaksi Layak	% Faedah Bonus													
Bonus Deposit	<p>a) Mendepositkan Dana Baharu terkumpul minimum sebanyak:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. RM3,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan CIMB@Work. II. RM5,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan yang tiada CIMB@Work. 	2.30% setahun													
Bonus Kekayaan	<p>a) Pembelian/penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak terkumpul yang berjumlah Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC) RM3,600.00 dan ke atas dengan tarikh pengeluaran polisi/kontrak/sijil pada bulan kalendar yang sama.</p>	1.00% setahun selama 6 bulan													
Bonus Kad Kredit	<p>a) Melaksanakan Transaksi Runcit Layak terkumpul minimum sebanyak RM1,000.00 yang dibelanjakan dengan menggunakan Kad Kredit/-i CIMB dalam tempoh satu bulan semasa sesuatu bulan kempen tertentu.</p>	0.50% setahun													
<p>*Pelanggan CIMB@Work merujuk kepada ahli CIMB@Work.</p>															
S11: Berapakah jumlah baki purata bulanan minimum yang saya perlukekalkan untuk layak mendapatkan faedah bonus seperti yang tertera di S10 di atas?	J11: Anda perlu mengelakkan jumlah baki purata bulanan minimum sebanyak RM10,000.00 di dalam Prime CASA anda pada setiap bulan semasa tempoh pembayaran faedah bonus untuk layak menerima faedah bonus sekiranya anda melaksanakan transaksi layak seperti yang dinyatakan di S10 di atas.														
S12: Bila saya akan menerima faedah bonus?	J12: Faedah bonus akan dikreditkan ke dalam Prime CASA anda dalam tempoh 90 hari berkerja dari tarikh akhir setiap bulan semasa tempoh pembayaran faedah bonus.														

S13: Apakah tempoh pembayaran faedah bonus?	J13:		
	Kategori Faedah Bonus	Transaksi Layak	Tempoh Bayaran Faedah Bonus
	Bonus Deposit	Mendepositkan Dana Baharu terkumpul minimum sebanyak RM3,000(CAW)/RM5,000(tiada CAW)	Akan dibayar untuk setiap bulan pelanggan memenuhi transaksi layak Bonus Deposit
	Bonus Kekayaan	Pembelian/penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak terkumpul yang berjumlah AFYP/AFYC RM3,600	Akan dibayar untuk 6 bulan berturut-turut apabila pelanggan memenuhi transaksi layak Bonus Kekayaan
S14: Adakah faedah bonus masih akan dikira sekiranya saya ada lebih dari RM50,000.00 baki purata bulanan?	J14: Pembayaran faedah bonus hanya untuk RM50,000.00 yang pertama dari jumlah baki purata bulanan pada bulan kempen.		
	S15: Apakah yang akan berlaku sekiranya baki purata bulanan saya lebih rendah dari RM10,000.00?		J15: Sekiranya baki purata bulanan anda lebih rendah dari RM10,000.00, anda tidak lagi berhak menerima sebarang faedah bonus termasuk Bonus Deposit, Bonus Kekayaan dan Bonus Kad Kredit.
Soalan Lazim Bonus Deposit			
S16: Apakah maksud "Dana Baharu"?	J16: Dana Baharu bermaksud wang atau dana yang tidak berasal daripada mana-mana akaun pelanggan layak dengan CIMB, tetapi wang atau dana yang dipindahkan, dikreditkan atau dibayar ke dalam Prime CASA beliau daripada sebarang akaun ketiga lain dengan CIMB, dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan pihak ketiga.		
Soalan Lazim Bonus Kekayaan			
S17: Bolehkah saya membeli/menyertai pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga yang berbeza?	J17: Ya, anda boleh membeli/menyertai pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga layak yang berbeza asalkan jumlah terkumpul Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC) memenuhi minimum RM3,600.00 dengan tarikh pengeluaran polisi/kontrak/sijil pada bulan kalender yang sama.		

S18: Adakah faedah bonus akan diperbaharui untuk premium berkala/sumbangan berkala yang seterusnya?	J18: Faedah bonus hanya layak untuk Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC). Sebarang premium/sumbangan untuk tahun seterusnya adalah tidak layak.
S19: Adakah saya masih akan menerima faedah bonus jika saya membatalkan pelaburan saya semasa "tempoh bertenang" atau jika saya membatalkan polisi/kontrak/sijil semasa "tempoh bertenang"?	J19: Tidak. Anda tidak lagi layak untuk faedah bonus sekiranya anda membatalkan pelaburan semasa "tempoh bertenang" atau jika anda membatalkan polisi/kontrak/sijil semasa "tempoh bertenang".
S20: Adakah saya masih akan menerima faedah bonus sekiranya polisi insurans hayat atau kontrak/sijil takaful keluarga saya tidak berkuat kuasa atau diserah balik semasa tempoh pembayaran faedah bonus?	J20: Tidak, anda tidak akan menerima faedah bonus sekiranya polisi insurans hayat atau kontrak/sijil takaful keluarga anda tidak berkuat kuasa atau diserah balik semasa tempoh pembayaran faedah bonus. Tetapi, sekiranya anda memenuhi transaksi layak kategori bonus kekayaan yang lain pada tempoh masa yang sama, anda akan terus menerima faedah bonus.
S21: Apakah yang akan terjadi sekiranya saya memenuhi kelayakan faedah bonus kekayaan lebih dari 1 kali semasa tempoh 6 bulan sejak pelaburan saya yang pertama?	J21: Sekiranya anda memenuhi kelayakan faedah bonus kekayaan lebih dari 1 kali semasa dalam 6 bulan tempoh pembayaran faedah bonus kekayaan, tempoh pembayaran faedah bonus kekayaan anda akan ditetapkan semula dan kelayakan 6 bulan anda akan bermula sekali lagi. Contoh: Anda adalah pelanggan Prime CASA dan anda membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak berjumlah AFYP RM3,600 pada bulan Mei 2024. Anda layak untuk menerima bonus kekayaan bermula dari September 2024 sehingga Februari 2025. Pada bulan Oktober 2024, anda membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak berjumlah AFYP RM4,000 dan dengan itu tempoh pembayaran faedah bonus anda akan ditetapkan semula bermula dari Oktober 2024 sehingga Mac 2025.

	<table border="1"> <tr> <td style="background-color: #f2e0d2; padding: 5px;">Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM3,600</td></tr> <tr> <td colspan="7" style="text-align: center; padding: 5px;">Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Sep '24 hingga Feb '25</td></tr> <tr> <th>Sep-24</th><th>Okt-24</th><th>Nov-24</th><th>Dis-24</th><th>Jan-25</th><th>Feb-25</th><th>Mac-25</th></tr> <tr> <td colspan="7" style="text-align: center; padding: 5px;">Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Okt '24 hingga Mac '25</td></tr> <tr> <td style="background-color: #f2e0d2; padding: 5px;">Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM4,000</td><td colspan="6" rowspan="2"></td></tr> </table>	Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM3,600	Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Sep '24 hingga Feb '25							Sep-24	Okt-24	Nov-24	Dis-24	Jan-25	Feb-25	Mac-25	Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Okt '24 hingga Mac '25							Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM4,000						
Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM3,600																														
Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Sep '24 hingga Feb '25																														
Sep-24	Okt-24	Nov-24	Dis-24	Jan-25	Feb-25	Mac-25																								
Layak untuk pembayaran faedah bonus kekayaan dari Okt '24 hingga Mac '25																														
Membeli pelan Insurans Hayat/Takaful Keluarga berjumlah berjumlah RM4,000																														
Soalan Lazim Bonus Kad Kredit																														
S22: Untuk transaksi runcit bonus kad kredit, adakah ia meliputi jumlah terkumpul dari semua kad kredit/-i CIMB yang saya miliki termasuk kad-kad tambahan?	J22: Ya, jumlah minimum RM1,000.00 dari transaksi runcit bonus kad kredit boleh dikumpulkan dari jumlah perbelanjaan daripada semua kad-kad kredit/-i CIMB dimana anda merupakan pemegang kad utama sahaja. Ia tidak akan termasuk dalam jumlah perbelanjaan sekiranya anda adalah pemegang kad tambahan.																													
S23: Untuk transaksi bonus kad kredit, adakah ia termasuk transaksi debit automatik/ ansuran bulanan?	J23: Ya, sebarang transaksi debit automatik/ ansuran bulanan layak untuk faedah bonus kad kredit.																													
S24: Apakah transaksi runcit Kad Kredit yang dikecualikan daripada jumlah pengumpulan perbelanjaan?	<p>J24: Urus niaga yang dikecualikan daripada jumlah pengumpulan perbelanjaan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Transaksi yang dibuat pada Kad Perniagaan Platinum dan Kad Tangki Bahan Api CIMB; b) Transaksi Kuasi Tunai – (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian); c) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, yuran penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang yuran, caj atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya; d) Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi lain yang dipertikaikan, tanpa kebenaran atau penipuan. e) Sebarang transaksi yang dibuat di negara yang menjadi ahli Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU). 																													